

B640  
MAHATHIR-AKHBAR  
(1)

EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10.30 MALAM INI, 12 OKT.

1981

KUALA LUMPUR, 12 OKT. (BERNAMA)-AKHBAR BOLEH MENYUMBANG KEPADA KEPENTINGAN NEGARA DAN RAKYAT DENGAN MEMIKIRKAN APA YANG BERFAEDAH KEPADA NEGARA SECARA KESELURUHAN DALAM MENUNAIKAN TUGAS-TUGASNYA, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI.

KATANYA AKHBAR TELAH MENJALANKAN TUGASNYA DENGAN BAIK SELAMA INI TETAPI MASIH BANYAK PERLU DILAKUKAN LAGI SEBELUM SELURUH RAKYAT BERSATUPADU DENGAN SATU TUJUAN UNTUK MEMBINA SEBUAH NEGARA YANG LEBIH SEJAHTERA DI MANA KEAMANAN DAN KEMAKMURAN DAN KEBEBASAN YANG BERTANGGUNGJAWAB ADALAH TERJAMIN.

BERCAKAP MENGENAI PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB AKHBAR DI JAMUAN MAKAN MALAM KELAB AKHBAR KEBANGSAAN DI SINI, BELIAU BERKATA +SEKIRANYA KITA MEMIKIRKAN TENTANG NEGARA DAN RAKYAT KITA MAKA KEPENTINGAN SEMPIT AKHBAR SEBAGAI INSTITUSI MENJADI TIPIS. KEPERLUAN NEGARA DAN RAKYAT ADALAH LEBIH PENTING.+

KATANYA MALAYSIA MEMERLUKAN TEMPOH KESTABILAN BAGI MENGUKUHKAN PENCAPAIAN-PENCAPAIANNYA DAN BAGI MEMBINA ETIKA DAN NILAI KERJA YANG AKAN MENJADIKANNYA KUAT DAN MAJU.—BERSAMBUNG 2130/HM

B643:  
MAHATHIR-AKHBAR 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

+KERAJAAN AKAN BERUSAHA DENGAN SEDAYA UPAYANYA TETAPI IA MEMERLUKAN KERJASAMA DARIPADA SEMUA PIHAK TERMASUK AKHBAR,+ JELASNYA.

MENGENAI KEBEBASAN AKHBAR, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA KEBEBASAN ITU HENDAKLAH DIGUNAKAN SECARA TERKAWAL DAN BERTANGGUNGJAWAB.

SEDANGKAN AKHBAR BERHAK MENDEDAHKAN SEBARANG KELEMAHAN SAMADA DALAM KERAJAAN MAHUPUN SEKTOR SWASTA, IA JUGA BERTANGGUNGJAWAB MEMBERI GAMBARAN YANG SEIMBANG, KATANYA.

KEGAGALAN UNTUK MENCAPAI PEMBERITAAN SEIMBANG AKAN MENGAKIBATKAN GAMBARAN YANG NEGARA SEOLAH-OLAH TIDAK DAPAT BERBUAT APA PUN DENGAN BETUL, TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR JUGA BERKATA DALAM SESEBUAH NEGARA BERBILANG KAUM SEPERTI MALAYSIA, TANGGUNGJAWAB AKHBAR MELEBIHI DARIPADA PEMBERITAAN YANG TEPAT SAHAJA.

+PERASAAN PELBAGAI KAUM HENDAKLAH DIPERTIMBANGKAN DAN KESTABILAN POLITIK DAN HIDUP AMAN BERSAMA ANTARA KAUM MERUPAKAN DUA SYARAT YANG PENTING YANG KERAJAAN CUBA MENGGALAKKAN DAN MEMPERTAHANKAN,+ KATANYA. — BERSAMBUNG 2140/AZ

MAHATHIR-AKHBAR 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BELIAU BERKATA DALAM SEGALA TINDAKAN DAN DASARNYA KERAJAAN MEMASTIKAN KEDUA-DUA SYARAT TERSEBUT SENTIASA DIAMBILKIRA.

USAHA-USAHA KERAJAAN ITU AKAN TERBANTUT JIKA AKHBAR MELAPORKAN PERISTIWA-PERISTIWA TANPA MEMBERI PERTIMBANGAN KEPADA PERASAAN KAUM-KAUM, KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SETENGAH-SETENGAH ANGGOTA AKHBAR MENGANGGAP PERLUNYA MENGADAKAN KAWALAN AGAR TIDAK MENYINGGUNG PERASAAN PELBAGAI KAUM SEBAGAI SATU HALANGAN TERHADAP Pengerjaan teratur dan beberkesanan media.

SEBALIKNYA, BELIAU PERCAYA KAWALAN-KAWALAN TERSEBUT HARUS DIANGGAP SEBAGAI SATU CABARAN TERHADAP kemahiran dan kematangan para wartawan dan mereka yang lain dalam media dan juga satu ujian terhadap rasa tanggungjawab mereka.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU TIDAK PERCAYA KEBEBASAN MUTLAK AKHBAR WUJUD DI MANA-MANA KERANA TERDAPAT SEDIKIT KAWALAN YANG DIAMALKAN KALAU TIDAK OLEH KERAJAAN SEKURANG-KURANGNYA OLEH TUAN-TUANPUNYA, PENGIKLAN, PEKERJA DAN PIHAK-PIHAK LAIN. — BERSAMBUNG 2155/AZ

MAHATHIR-AKHBAR 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

BELIAU JUGA BERKATA SATU FUNGSI PENTING AKHBAR DALAM MASYARAKAT DEMOKRATIK IALAH UNTUK MENDIDIK DAN MEMAKLUMKAN ORANGRAMAI MENGENAI ISU-ISU AGAR MEREKA DAPAT MEMBUAT PILIHAN.

ORANGRAMAI YANG MENGETAHUI SEMUA ISU AKAN LEBIH MAMPU MEMBUAT KEPUTUSAN YANG MANA PARTI LEBIH LAYAK MENUBUHKAN KERAJAAN, KATANYA.

BELIAU BANGGA AKHBAR DI NEGARA INI TELAH MENJALANKAN TUGAS PENTING ITU DENGAN BAIK. — BERNAMA 2157/AZ